

Press Clipping

Ekonomi

18 April, 2006 15:53 PM



Pengeluar Asing Berhak Dapat Status Bebas Cukai Di PKFZ

Oleh Leslean Arshad

PELABUHAN KLANG, 18 April (Bernama) -- Syarikat-syarikat pengeluaran dan perdagangan asing yang beroperasi di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berhak diberikan status bebas cukai sehingga 10 tahun.

Mereka juga dibenarkan memiliki 100 peratus ekuiti asing di dalam syarikat mereka masing-masing jika mereka beroperasi di zon itu, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) Datuk Yap Pian Hon berkata hari Selasa.

Katanya perniagaan-perniagaan di zon itu dibenarkan menghantar balik modal dan keuntungan mereka tanpa sebarang cukai terbabit.

"Tidak kira negara mereka, mereka boleh mendapat galakan-galakan seumpama itu. Langkah seumpama itu akan menggalakkan para pelabur datang dan melabur di sini," beliau berkata kepada Bernama di sini.

Yap berkata syarikat-syarikat yang beroperasi di zon bebas itu adalah terutamanya didorong eksport.

Hampirnya kemudahan itu dengan Westport akan membantu barangan untuk diangkut dengan kapal ke seluruh dunia dengan cekap, katanya.

PKFZ, terletak di tapak 400 hektar di Pulau Indah dekat sini, dijadual siap menjelang Julai tahun ini.

"Ia hampir siap. Hampir kesemua infrastrukturnya telah siap," kata Yap.

Projek PKFZ terletak di bawah naungan Kementerian Pengangkutan dan sedang dilaksanakan oleh LPK.

Pembangunan PKFZ adalah mengikut model Zon Bebas Jebel Ali, yang dikatakan hab pengedaran utama di Timur Tengah dan zon bebas paling berjaya di dunia.

LPK mengambil kepakaran Lembaga Zon Bebas Jebel Ali (JAFZA) untuk mengilhamkan pembangunan, pemasaran dan pengurusan PKFZ.

Yap berkata LPK akan terbabit dalam pameran bergerak seberang laut untuk menggalakkan KPFZ.

Sambutan daripada pelabur-pelabur berpotensi pada pameran bergerak baru-baru ini di Shanghai dan Shenzhen di China adalah menggalakkan, katanya, dan menambah bahawa LPK akan juga menganjurkan satu pameran bergerak di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu, tidak lama lagi untuk mempromosi PKFZ.

-- BERNAMA

Taken from: http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_business.php?id=192256